

U B788 DEB  
MAHATHIR - AKHBAR  
(I)

1985

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG MEMANDANG BERAT TERHADAP SETENGAH-SETENGAH AKHBAR TERTENTU YANG MENYALAHGUNAKAN KEBEBASAN YANG DIBERI KEPADA MEREKA SEJAK BELIAU MEMEGANG JAWATANNYA, BERKATA HARI INI BAHAWA BELIAU +SEDANG MEMIKIRKAN SEMULA TENTANG SIKAP LIBERALNYA+ KEPADA AKHBAR DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI KESAL YANG KEBEBASAN YANG DIBERIKAN KEPADA AKHBAR-AKHBAR SEJAK BELIAU MEMEGANG TAMPUK KERAJAAN DALAM TAHUN 1981 NAMPAKNYA TIDAK DIHARGAI OLEH +MEREKA YANG HENDAK MENYALAHGUNAKAN LIBERALISME.+

+SAYA MULA MEMIKIRKAN SEMULA MENGENAI SIKAP LIBERAL. MALAHAN, DALAM MENYALAHGUNAKAN KEBEBASAN AKHBAR, TERDAPAT SETENGAH-SETENGAH ORANG YANG BERSEMBUNYI DI BELAKANG ORANG LAIN MENGENAI AKIBATNYA DI NEGARA INI DAN BERHARAP AGAR MEREKA DAPAT MELEPASKAN DIRI DENGAN APA YANG MEREKA KATA,+ KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL DI IBU PEJABATNYA DI SINI.

TAJUK KEKEBASAN AKHBAR ITU TELAH DITIMBULKAN APABILA PENERUSI BARISAN NASIONAL ITU MENYALAHKAN AKHBAR-AKHBAR TERTENTU KERANA MEMGGEMBAR-GEMBURKAN PERKARA-PERKARA REMEH MENJADI ISU YANG MENIMBULKAN PERTIKAIAN YANG MENYUMBANG KEPADA ARAH ALIRAN CAUVINISME, PELAMPAU DAN PERKAUMAN DI NEGARA INI.

DR. MAHATHIR MENARIK PERHATIAN KEPADA HAKIKAT BAHAWA APABILA BELIAU MENJADI PERDANA MENTERI, SATU PERKARA YANG BELIAU HENDAK LAKUKAN IALAH MENJADI BENAR-BENAR LIBERAL TERHADAP AKHBAR. -- LAGI.  
1836MST 24 03 85

D182

U B789 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR

(I)

BELIAU BEKATA HASRATNYA UNTUK KEBEBASAN AKHBAR MENGHASILKAN PEMBERIAN LEBIH BANYAK LESEN KDN DALAM TEMPOH TIGA TAHUN LALU DARIPADA YANG DIBERIKAN DALAM TEMPOH 20 TAHUN SEBELUMNYA.

+SESIAPA JUGA YANG HENDAK MENERBITKAN AKHBAR DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN. TETAPI MALANGNAYA SIKAP LIBERAL NAMPAKNYA TIDAK DIHARGAI OLEH MEREKA YANG MAHU MENYALAHGUNAKAN LIBERALISME,+ KELUHNYA.

DR. MAHATHIR MENDAKWA BAHAWA SUNGGUHPUN DIBERI KEKEBASAN KEPADA AKHBAR, BELIAU SENDIRI TIDAK MENIKMATI KEBEBASAN AKHBAR KERANA AKHBAR-AKHBAR TERTENTU MENGAMBIL KEPUTUSAN MENAPIS UCAPAN-UCAPANNYA.

+SAYA DITEKAN OLEH AKHBAR,+ KATA BELIAU BERSUNGGUH-SUNGGUH BEBERAPA KALI SEPANJANG SIDANG AKHBAR 30 MINIT ITU.

BELIAU MENYEBUT CONTOH ARABILA DALAM UCAPAN-UCAPANNYA, PERKARA-PERKARA YANG BELIAU MAHU DITEKANKAN DIHILANGKAN DAN SUDUT-SUDUT LAIN DIBESAR-BESARKAN SEHINGGA ORANG RAMAI MEMPEROLEHI GAMBARAN YANG BERLAWANAN TERHADAPNYA.

EDITOR-EDITOR ANDA ADALAH ORANG-ORANG YANG MEMPUYAI KEBEBASAN ITU, ANDA SEMUA MEMILIH APA YANG HENDAK DITERBITKAN. MALAH DALAM PROSES ITU, KADANG-KALA ANDA MENJADIKAN SAYA TIDAK POPULAR,+ KATANYA.

MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR

(1)

BELIAU JUGA MARAH KEPADA SETENGAH-SETENGAH AKHBAR DAN MAJALAH ASING YANG MENURUTNYA DALAM LAPORAN MEREKA BARU-BARU INI MENGENAI PERLETAKAN JAWATAN GABENOR BANK NEGARA DENGAN SINDIRAN YANG KONONNYA BELIAU TELAH MEMBUAT DUIT SECARA HARAM, RASUAH DAN BESIKAP PILIH KASIN BAGI ORANG-ORANG TERTENTU.

+LAPORAN ITU YANG MEMBUAT SINDIRAN KABUR YANG KONONNYA SAYA MEMBUAT DUIT UNTUK DIRI SENDIRI DISEBARKAN KE SELURUH DUNIA DAN SAYA TIDAK ADA CARA UNTUK MEMBALAS DAN MEMPERTAHANKAN DIRI. INILAH SEBABNYA SAYA KATAKAN SAYA DITEKAN.+

BELIAU BERKATA LAPORAN-LAPORAN ITU MENUNJUKKAN SEOLAH-OLAHNYA BELIAU SEORANG PERDANA MENTERI YANG RASUAH DALAM SEBUAH NEGARA RASUAH DAN INI BUKAN SAHAJA +MENCEMAR NAMA BAIK SAYA TETAPI JUGA NEGARA SAYA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DITANYA SAMA ADA MENJADI SATU KESALAHAN MEMBANTU ORANG LAIN, MENEGASKAN BAHAWA TIDAK GUNA MENJADI SEORANG PEMIMPIN NEGARA JIKA BELIAU MENGASINGKAN DIRINYA DARIPADA ORANG LAIN DAN GAGAL MEMBANTU MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYELAR SEBUAH MAJALAH ISLAM YANG MENYIFATKANNYA SEBAGAI DIPENGARUHI OLEH ZIONIS, KERANA MENERBITKAN SATU RENCANA KONONNYA ISLAMISASI DI MALAYSIA BERMAKNA PENGHARAMAN PARTI-PARTI ISLAM. -- LAGI.

1900MST 24 03 85

0207

U BS06 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 4 KUALA LUMPUR

(1)

BELIAU MEMINTA AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN MEMBANTU KERAJAAN DAN NEGARA MEMUJUDKAN PERPADUAN KAUM DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA ADA LAGI PERKARA LAIN YANG LEBIH PENTING DARIPADA MEMPERBESAR-BESARKAN ISU UNTUK MENJUAL AKHBAR.

+ANGGAPLAH INI SEBAGAI TANGGUNGJAWAB ANDA YANG PATRIOTIK UNTUK MEMBANTU KAMI. KAMI TIDAK PEDULI TENTANG PENDAPAT ORANG ASING MENGENAI KAMI. APA YANG PENTING KEPADA KAMI IALAH BAHAWA NEGARA INI TERUS STABIL, BAHAWA TIADA PERGADUHAN ANTARA KAUM SEPERTI DALAM TAHUN 1969, EKONOMI KITA AKAN BERKEMBANG DAN KEDUDUKAN POLITIK TERUS STABIL.+ TAMBAHNYA.

KEPADA MEREKA YANG KATANYA AKAN Mencari PERTOLONGAN AKHBAR ASING UNTUK MENGHENTAM KERAJAAN DENGAN MENGATAKAN BAGAIMANA TIDAK DEMOKRATIKNYA MALAYSIA, DR. MAHATHIR BERKATA: +TERUSKAN. ANDA BOLEH MEMBUAT SEBARANG CERITA MENGENAI KAMI YANG KONONNYA TIDAK LIBERAL. SAYA TIDAK PEDULI.+

+ANDA SEMUA BERITAHU MAJALAH ASING ITU BAHAWA SAYA MENYURUH MEREKA MELUAKKAN APA SAHAJA.+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA SEBAGAI WAKIL RAKYAT, KERAJAAN TERPAKSA MENGHADAPI RAKYAT DAN OLEH ITU TANGGUNGJAWAB BERNYANYA IALAH KEPADA RAKYAT, MEMASTIKAN RAKYAT MEMPUYAI KEHIDUPAN YANG BAIK DAN MEMASTIKAN BAHAWA PEMBANGUNAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH PESAT. -- LAGI.

U B812 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 5 KUALA LUMPUR

(I)

+ SAYA TIDAK BOLEH TERUS MENJADI PEMIMPIN SELAMA LIMA TAHUN TANPA MENGHADAPI KRITIKAN DAN ANDA TAK SECARA LANGSUNG MEMBANTU SAYA MENJADI TIDAK POPULAR.

+KITA MUNGKIN SETARA SAHAJA JIKA MISALNYA PARA EDITOR BERTANDING DALAM PILIHANRAYA DAN BIAR SELURUH NEGARA MENGUNDI MEREKA. CARA ITU LEBIH ADIL.

+JIKA ANDA FIKIR ANDA MEMPUNYAI TUGAS UNTUK DILAKUKAN SEBAGAI ORANG AKHBAR, MAKA SAYA JUGA MEMPUNYAI TUGAS HENDAK DIBUAT SEBAGAI PERDANA MENTERI,+ TAMBAHNYA.

TENTANG PERANAN YANG PATUT DIMAINKAN OLEH AKHBAR, BELIAU BERKATA PARA PENGAWAL, EDITOR, PENYUNTING DAN PEMBERITA SEMUANYA MEMPUNYAI PERANAN DALAM MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG STABIL, PEMBANGUNAN DAN KESTABILAN NEGARA.

APABILA DISOAL BAGAIMANA AKHBAR MENYELARASKAN PERANANNYA SEBAGAI SUARA RAKYAT DAN PADA MASA YANG SAMA SEBAGAI ALAT PROPAGANDA KERAJAAN; DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA SALAHNYA MENJADI ALAT PROPAGANDA KERAJAAN APABILA PARA WARTAWAN MELAPORKAN APA YANG SEBENARNYA MENGENAI NEGARA INI.

+MENGAPA ANDA TAKUT SANGAT DICAP SEBAGAI ALAT PROPAGANDA KERAJAAN. WALAUPUN IA BERBUNYI MACAM PROPAGANDA KERAJAAN; APA SALAHNYA ITU BILA ITU ADALAH YANG SEBENARNYA?+ TANYA BELIAU. --  
BERNAMA.

1939MST 24 03 85